

PENGURUSAN RISIKO INSOLVENSII ANTARA BIMB DAN CIMB ISLAMIC

Dicky Wiwittan Toto Ngadiman¹ dan Mohd. Shawal Sidek²

¹Politeknik Kota Kinabalu

dicky@polikk.edu.my

²Universiti Kebangsaan Malaysia

mhd.shawal@gmail.com

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur perbezaan tahap risiko insolvensi di perbankan Islam antara CIMB Islamic bank (subsidari Bank Islam) dan BIMB (perbankan Islam penuh), adakah CIMB lebih terdedah pada risiko insolvensi berbanding dengan BIMB. Adakah jenis perbankan Islam memainkan peranan penting mempengaruhi tahap pendedahan risiko insolvensi terhadap Bank Islam tersebut dan apakah faktor yang menyumbang kepada risiko insolvensi. Kajian ini menggunakan data tahunan kedua-dua bank dari tahun 2005 hingga 2014 serta kaedah kuantitatif, nisbah kewangan sebagai alat ukuran risiko insolvensi. Hasil kajian ini mendapati bahawa perbezaan jenis perbankan Islam bukan faktor utama yang menyumbang pada risiko insolvensi tetapi sebaliknya struktur modal sesebuah Bank Islam itu sendiri. Tanpa mengira jenis perbankan Islam sama ada sepenuhnya atau subsidiari, struktur modal yang dipantau menggunakan nisbah kewangan seperti DER, EM dan LDR perlu diberikan penekanan untuk menguruskan risiko insolvensi dengan lebih berkesan.

Kata kunci: BIMB, CIMB Islamic Bank, nisbah kewangan

1. Pengenalan

Kegagalan bank dalam menguruskan kewangan dengan baik akan mengundang pelbagai risiko seperti risiko kredit, reputasi, pengeluaran, kecairan, operasi dan akhirnya terdedah kepada risiko insolvensi (Christianti, 2011). Krisis kewangan dunia yang berlaku antara tahun 2007 dan 2008 telah memberi kesan kepada global. Menurut Vaaler & McNamara (2004), krisis kewangan global adalah sukar untuk dipulihkan. Pada tahun 2014, sebanyak 17 bank di Amerika Syarikat telah tutup disebabkan kebangkrutan atau insolvensi. Rentetan sebelum berlakunya krisis kewangan Amerika telah diterangkan oleh Taylor (2009). Perbankan Islam di Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi insolvensi risiko ekoran kelemahan pengurusan kecairan di mana terdapat ketidaksepadanan antara aset dengan liabiliti di imbalan duga di sebuah bank Islam. Malahan, pada tahun 2005, Bank Islam Berhad berhadapan dengan risiko insolvensi apabila pinjaman tidak dibayar dari pelaburan luar Negara mengalami kerugian berjumlah RM 2.2 billion.

Risiko insolvensi berlaku apabila aset bank tidak dapat menampung liabilitinya. Menurut Mohamad, Borhan & Sulaiman (2014), kestabilan kewangan membawa maksud kekukuhan di mana institusi bank memiliki modal dan mudah tunai mencukupi bagi menyerap kerugian normal dan tidak normal serta dapat menguruskan operasi walaupun dalam keadaan turun naik. Dalam konteks insolvensi, di mana bank gagal dalam mengutip balik pinjaman (aset) diberikan kepada

pelanggan dengan menggunakan deposit pelanggan (liabiliti) sebagai modal pinjaman. Risiko insolvensi tidak hanya tertumpu pada kemampuan bank untuk membayar balik wang deposit kepada deposit tetapi juga merangkumi pembayaran balik hutang bank kepada pemiutang dalam bentuk sukuk, bond dan pinjaman jangka pendek. Pada mulanya bank berada dalam kedudukan kewangan yang baik seperti yang ditunjukkan oleh kunci kira-kira –iaitu aset melebihi liabiliti (Rajah 1). Walaupun sesetengah pelanggan gagal membayar pinjaman mereka, bank masih ada ‘buffer’ besar iaitu ekuiti pemegang saham untuk melindungi pendeposit daripada apa-apa kerugian. Apabila sesuatu perkara berlaku (mungkin kerana panik disebabkan oleh beberapa berita atau masalah bank itu sendiri) orang ramai atau pendeposit akan bertindak mengeluarkan semua wang tunai mereka atau meminta bank-bank untuk membuat pemindahan bagi pihak mereka kepada bank-bank lain. Apabila bank memegang sejumlah kecil wang tunai fizikal, berbanding dengan jumlah deposit, tunai di bank akan habis. Bank akan mengadakan jumlah rizab di bank pusat untuk menampung masalah kecairan.

Commercial bank balance sheet	
Assets (what the bank owns & what is owed to the bank)	Liabilities (what the bank owes)
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Cash, central bank reserves, bonds etc (liquid assets)</p> </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p>Loans the bank has made to its customers (illiquid assets)</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; height: 150px; position: relative;"> <div style="position: absolute; top: 50%; left: 50%; transform: translate(-50%, -50%);">Customer deposits</div> <div style="position: absolute; bottom: 0; left: 0; width: 100%; height: 20px; background-color: #4a7ebb; color: white; text-align: center;">Shareholder equity</div> </div>

Rajah 1: Aset vs Liabiliti Bank

Pada masa yang sama, bank itu mungkin mempunyai beberapa bon, saham dan lain-lain, yang akan dijual dengan segera untuk mendapatkan wang tunai tambahan dan rizab bank pusat, untuk menampung pengeluaran tunai pelanggan. Walau bagaimanapun, apabila 'aset cair' telah habis, bank tidak lagi dapat memenuhi permintaan pengeluaran. Keadaan seperti ini akan menyebabkan kebangkrutan sesebuah bank.

1.1. Isu

Dari segi saiz aset, BIMB adalah bank Islam ketiga terbesar di Malaysia mengikut penyataan tahun berakhir 31 Disember 2010 dengan aset berjumlah RM30,350,270,000 manakala CIMB Islamic Bank kedua terbesar dengan aset RM 36,036,393,000. Bank adalah solven apabila jumlah nilai asetnya adalah lebih besar daripada liabilitinya. Bank akan menjadi lebih berisiko jika ia tidak solven. Dalam kajian ini lebih melihat pengurusan kesolvenan antara BIMB dan CIMB Islamic Bank terhadap formula pengiraan ratio yang telah ditetapkan, bagi membandingkan bank manakah yang lebih solven. Sekiranya peratusan DER, EM, DTAR dan LDR berkurang atau kecil, ini menunjukkan bank tersebut lebih solven dan berjaya dalam pengurusan risiko insolvensi. Sebaliknya, peratusan ratio yang tinggi akan memberi petunjuk bahawa bank tersebut lebih

berisiko dan tidak solven berbanding bank yang lain, bermaksud bank tersebut lemah risiko insolvensi.

1.2. Pernyataan masalah

Membandingkan pengurusan risiko insolvensi oleh perbankan Islam iaitu BIMB (perbankan Islam penuh) dan CIMB Islam bank (subsidiary bank Islam). Bank manakah yang berisiko dan lebih terdedah kepada risiko insolvensi?

1.3. Objektif kajian

Untuk membandingkan pengurusan risiko insolvensi antara dua bank iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (full-fledged) dan CIMB Islamic bank (subsidiary). Pengurusan risiko insolvensi diukur dengan menggunakan kaedah nisbah kewangan.

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada berlaku perbezaan ketara risiko insolvensi yang dihadapi antara BIMB (full fledge) dengan CIMB Islamic Bank (Subsidiary), di mana hasil kajian ini bermanfaat untuk memantapkan pengurusan risiko insolvensi perbankan Islam di Malaysia.

2. Sorotan Kajian

Menurut Hugonnier & Morellec (2017) kenaikan risiko insolvensi adalah berkadar dengan tahap hutang. Untuk menerangkan hubungan antara hutang dan risiko insolvensi, nisbah hutang hendaklah digunakan. Nisbah hutang digunakan sebagai ukuran keupayaan untuk membayar hutang syarikat dan kestabilan kewangan syarikat. Ia adalah penilaian yang umum untuk mana-mana pelaburan yang memerlukan pinjaman. Nisbah yang tinggi bermakna syarikat mempunyai risiko insolvensi yang tinggi kerana hutang yang berlebihan boleh membawa kepada beban untuk membayar hutang. Ia menunjukkan bahagian aset pembiayaan syarikat adalah dari hutang, menjadikan ia satu cara yang baik untuk menilai kesolvenan jangka panjang syarikat. Secara umumnya, nisbah yang lebih rendah adalah lebih baik. Nilai 1 atau kurang dalam nisbah hutang menunjukkan keadaan kewangan syarikat yang baik. (Jim, 2013).

Untuk mengukur prestasi bank, menggunakan nisbah-nisbah kewangan adalah perkara yang digunakan dalam kesusasteraan dan banyak kajian. Pengawal selia bank, sebagai contoh, menggunakan nisbah kewangan untuk membantu menilai prestasi bank. Booker (1983), Korobow (1983), Putnam (1983), Sabi (1996), Samad (1999), Akkas (1996) dan Spindler (1991) menggunakan nisbah kewangan untuk menilai prestasi bank. Bank adalah solven apabila jumlah nilai asetnya adalah lebih besar daripada liabilitinya. Bank menjadi berisiko jika ia tidak solven. Nisbah kewangan yang digunakan adalah sebagai penanda aras untuk penilaian prestasi dan Altman (1968) pertama kali digunakan nisbah kewangan model untuk membayangkan insolvensi di peringkat syarikat.

Menurut kajian Samad (1999), risiko insolvensi diukur antara 1984-1989 dan 1990-1997 mendapati bahawa risiko BIMB meningkat dan ia adalah statistik yang signifikan dalam hutang-ekuiti (DER) dan pengganda ekuiti (EM). DER dan EM meningkat 9,16-19,59 dan 10, 38-19, 49 masing-masing. Walau bagaimanapun, perbandingan antara bank Islam dan sekumpulan bank konvensional menunjukkan bahawa bank Islam masih kurang berisiko dan lebih solven jika diukur

dalam DER, DTAR, EM dan LDR. Perbezaan dalam risiko diukur dalam hutang-ekuiti adalah ketara secara statistik. Walaupun min untuk ratio seperti DTAR, EM dan LDR Bank Islam berbanding sekumpulan bank-bank konvensional yang lebih rendah, mereka tidak signifikan secara statistik.

3. Metodologi kajian

Sumber data adalah dengan melihat data empirikal sepuluh tahun (2005 – 2014) daripada dua bank tersebut. Data dapat diperoleh melalui Laporan Tahunan bank tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu nisbah kewangan untuk pengiraan nisbah ketidak insolvenan dan kaedah (panel least square). Untuk mengukur sama ada bank Islam (fully fledge) mempunyai risiko insolvensi rendah berbanding CIMB Islamic bank (subsidiari) atau sebaliknya. Seperti kajian sebelumnya (Samad & Hassan, 2006), kajian ini menggunakan nisbah risiko dan kesolvenan untuk membandingkan risiko insolvensi di antara dua bank tersebut.

3.1 Data BIMB dan CIMB Islamic Bank

Jadual 1: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)¹

Years	debt/t.Astr	equitym	loan/deposit	Equity/asset
2005	85.07%	2170.54%	76.77%	1846.55%
2006	101.70%	1658.93%	71.56%	1687.11%
2007	94.50%	1106.25%	55.97%	1045.45%
2008	94.40%	1365.20%	50.39%	1288.75%
2009	94.43%	1593.08%	42.50%	1504.35%
2010	91.65%	1339.68%	45.73%	1227.75%
2011	91.28%	1421.65%	51.50%	1297.71%
2012	91.71%	1651.87%	61.28%	1514.90%
2013	92.23%	1862.85%	65.09%	1718.09%
2014	91.86%	1975.11%	73.42%	1814.34%

Jadual 2: CIMB Islamic Bank²

Years	debt/t.Astr	equitym	loan/deposit	Equity/asset
2005	80.76%	542.87%	2.90%	438.40%
2006	88.18%	3058.20%	75.64%	2696.62%
2007	91.42%	1861.28%	29.22%	1701.58%

¹ Laporan tahunan

² Laporan tahunan

2008	94.91%	2035.83%	43.90%	1932.28%
2009	95.88%	2503.76%	85.12%	2400.52%
2010	96.29%	3603.84%	98.88%	3469.97%
2011	95.51%	4310.28%	96.97%	4116.92%
2012	95.43%	5122.50%	94.30%	4888.16%
2013	94.60%	4942.32%	86.46%	0.88%
2014	93.56%	4986.38%	85.75%	1.25%

3.2 Nisbah kewangan yang digunakan

Empat nisbah yang perlu diukur untuk membuat perbandingan pengurusan risiko insolvensi. Nisbah-nisbah ini telah diterangkan dalam kajian Abd Latib & Taqiuddin (2018).

- a) Nisbah Hutang Ekuiti (Debt To Equity Ratio) = Modal Hutang / Ekuiti.
Modal Bank boleh menyerap kejutan kewangan. Sekiranya nilai aset berkurangan atau pinjaman tidak dibayar balik modal bank menyediakan perlindungan terhadap kerugian pinjaman. Nisbah DER yang lebih rendah adalah satu petanda yang baik untuk bank (Samad & Hassan, 2006).. Formula digunakan adalah seperti berikut:

$$\text{Nisbah Hutang Ekuiti} = \frac{\text{Modal Hutang}}{\text{Ekuiti}}$$

- b) Nisbah Hutang Jumlah Aset (Debt To Total Asset Ratio)
Nisbah hutang jumlah aset digunakan untuk mengukur jumlah hutang yang mampu ditampung oleh bank berdasarkan aset bank tersebut. Jumlah nisbah besar menunjukkan bahawa bank mempunyai nilai jumlah aset besar berbanding hutangnya, sekiranya bank bankrup, hutang masih mampu dilangsaikan dengan penjualan aset. Formula digunakan adalah seperti berikut:-

$$\text{Nisbah Hutang Jumlah Aset} = \frac{\text{Jumlah hutang}}{\text{Jumlah aset}}$$

- c) Penganda Ekuiti (Equity Mutlipler)
Ukuran yang digunakan untuk menilai peratusan pembelian aset ditampung oleh dana pemilik saham atau hutang. Ini bermaksud semakin tinggi nilai peganda ekuiti maka semakin tinggi peratusan pembiayaan aset dibiayai oleh hutang. Formula penganda ekuiti seperti berikut :-

$$\text{Penganda Ekuiti} = \frac{\text{Jumlah aset}}{\text{Jumlah saham berbayar}}$$

d) Nisbah Pinjaman Dan Deposit (Loan To Deposit Ratio)

Digunakan untuk mengukur keupayaan bank memenuhi permintaan pengeluaran wang dari pelanggan sekiranya berlakunya pengeluaran wang dari deposit pelanggan. Ini kerana deposit pelanggan digunakan sebagai dana untuk diberikan pinjaman kepada peminjam bank. Nilai nisbah pinjaman dan deposit yang lebih dari satu menunjukkan keupayaan bank di sudut kecairan dan sebaliknya sekiranya kurang dari satu. Formula seperti berikut:-

$$\text{Nisbah pinjaman dan deposit} = \frac{\text{Jumlah pinjaman}}{\text{Jumlah deposit}}$$

4. Analisis Data Empirikal

Jadual 3: Perbandingan antara BIMB dan CIMB Islamic bank

Performance	BIMB	CIMB Islamic Bank	F-value
Measure			
Risk and Insolvensi			
Debt total asset (DTA)	0.92883	0.926523	0.720759 **
Equity Multiplier (EM)	16.14517	32.96726	0.042753
Loan Deposit ratio (LDR)	0.594211	0.699152	0.133978
Debt Equity ratio (DER)	14.945	30.98493	0.032803

* Perbezaan dalam min: signifikan pada aras keertian 10%.

** Perbezaan dalam min: signifikan pada aras keertian 5%

*** Perbezaan dalam min: signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 3 menunjukkan nilai min yang terdapat pada nisbah kewangan seperti Nisbah hutang jumlah asset (Debt Equity ratio), Ekuiti pengganda (Equity Multiplier), Nisbah hutang jumlah asset (Debt total asset), nisbah pinjaman deposit (Loan Deposit) dan nilai- F statistik. Bagi mengukur tahap insolvensi antara dua jenis perbankan Islam yang berbeza iaitu BIMB dan CIMB Islamic Bank. Kajian ini menggunakan nisbah kewangan dan F test untuk mengukur aras insolvensi antara kedua-dua bank ini. Apabila perbandingan dibuat untuk mengukur tahap insolveni, BIMB didapati lebih solven berbanding CIMB Islamic Bank dengan mengambil nisbah pinjaman deposit (Loan Deposit) dan nisbah ekuiti hutang (Debt Equity ratio) secara relative lebih rendah iaitu 0.5942 dan 14.945 berbanding 0.6991 dan 30.984 di CIMB Islamic Bank. Manakala dari segi ekuiti berganda, CIMB Islamic Bank mencatatkan kedudukan yang lebih baik dari BIMB dengan keputusan 32.967 (Equity Multiplier) dengan 16.145. Namun begitu terdapat perbezaan yang tidak ketara antara BIMB dan CIMB Islamic Bank di nisbah hutang jumlah asset dengan masing-masing mencatatkan 0.92883 dan 0.926523.

5. Implikasi dasar

BIMB menunjukkan ianya lebih solven dan kukuh berbanding CIMB Islamic Bank di dalam nisbah hutang deposit dan nisbah hutang ekuiti dan ekuiti pengganda kecuali pada nisbah hutang pada jumlah asset yang menunjukkan CIMB Islamic Bank berada pada kedudukan yang lebih baik. Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa struktur modal kewangan dan pengurusan kewangan CIMB Islamic Bank adalah lebih berisiko dan rapuh untuk insolvensi berbanding BIMB. Ini adalah kerana struktur modal kebanyakan dibiayai oleh hutang dan wang deposit pelanggan yang boleh diketahui dari nilai nisbah kewangan; pinjaman dan deposit, pengganda ekuiti dan nisbah hutang ekuiti. Kelebihan BIMB yang menawarkan produk akaun pelaburan mudarabah melalui konsep perkongsian untung dan rugi memberikan kelebihan dari segi struktur modal dan perkongsian risiko dengan pelabur, kemudiannya diterjemahkan melalui nilai rendah nisbah kewangan seperti EM, LDR dan DER. CIMB Islamic bank mampu menandingi pengurusan risiko insolvensi BIMB dengan lebih baik dengan cara mengurangkan struktur modal berdasarkan hutang dan deposit pelanggan dan menawarkan lebih banyak akaun perkongsian untung rugi (profit loss sharing account).


Rujukan

- Abd Latib, N. A., & Taqiuddin, M. T. (2018). Penilaian Kesan Reformasi Dasar Kewangan Keatas Institusi Perbankan Islam Di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 12, 69-88.
- Akkas, A. (1996). Relative Efficiency of the Conventional and Islamic Banking System in Financing Investment. Unpublished Ph. D. Dissertation, Dhaka University.
- Booker, I. O. (1983). Tracking banks from afar: A risk monitoring system. *Economic Review*, 36-41.
- Christianti, A. (2011). Diversifikasi Kredit terhadap Profitabilitas dan probabilitas kegagalan Bank. *Jurnal Keuangan dan Perbankan*, 15(3).
- Hugonnier, J., & Morellec, E. (2017). Bank capital, liquid reserves, and insolvency risk. *Journal of Financial Economics*, 125(2), 266-285.
- Korobow, L., & Stuhr, D. P. (1983). The relevance of peer groups in early warning analysis. *Economic Review*, 68(11), 27-34.
- Mohamad, M. T., Borhan, J. T., & Sulaiman, A. A. (2014). Krisis kewangan global: kestabilan dan karakteristik unik perbankan Islam. *Jurnal Syariah*, 22(1), 57-86.
- Putnam, B. H. (1983). Concepts of Financial Monitoring, Federal Reserve Bank of Atlanta. *Economic Review*, pp. 6-13.
- Sabi, M. (1996). Comparative analysis of foreign and domestic bank operations in Hungary. *Journal of comparative Economics*, 22(2), 179-188.
- Samad, A. (1999). Comparative efficiency of the Islamic bank vis-à-vis conventional banks in Malaysia. *IUM Journal of Economics and Management*, 7(1), 1-27.

- Samad, A., & Hassan, M. K. (2006). The performance of Malaysian Islamic bank during 1984–1997: An exploratory study. *International journal of Islamic financial services*, 1(3).
- Samad, A., & Hassan, M. K. (2006). The performance of Malaysian Islamic bank during 1984–1997: An exploratory study. *International journal of Islamic financial services*, 1(3).
- Spindler, A. (1991), The Performance of Internationally Active Banks and Securities Firms Based on Conventional Measure of Competitiveness. New York: Federal Reserve Bank.
- Taylor, J. B. (2009). *The financial crisis and the policy responses: An empirical analysis of what went wrong* (No. w14631). National Bureau of Economic Research.
- Vaaler, P. M., & McNamara, G. (2004). Crisis and competition in expert organizational decision making: Credit-rating agencies and their response to turbulence in emerging economies. *Organization Science*, 15(6), 687-703.

Lampiran

Rajah 2: Perbandingan jumlah aset antara CIMB Islamic bank dengan BIMB antara tahun 2005 hingga 2014.



Rajah 3: Perbandingan jumlah hutang antara BIMB dan CIMB antara tahun 2005 hingga 2014.

